

UTUSAN MALAYSIA

DATE: 20 / 08 / 2007

Projek: Syarikat usaha sama kaum diutamakan

UM - 20/8/2007

KUALA LUMPUR 19 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, kerajaan boleh memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat usaha sama yang merangkumi semua kaum untuk meraih kontrak bagi projek-projek kerajaan pada masa depan.

Perdana Menteri berkata, untuk mendapat keutamaan itu syarikat-syarikat tersebut perlu bersifat tulin dengan semua rakan niaga pelbagai kaum memegang peranan dan risiko masing-masing.

Beliau yakin ahli-ahli perniagaan di negara ini berkemampuan mewujudkan syarikat besar yang benar-benar bercirikan Malaysia bagi menembusi pasaran antarabangsa.

"Saya kata, daripada peniaga Melayu jadi ejen bagi projek untuk syarikat Cina, mengapa tidak lakukan usaha sama.

"Tentukan perkara itu sendiri, jalankan kerjasama tulin yang terdiri daripada rakan kongsi Melayu, Cina dan India dan kita boleh beri keutamaan (kepada mereka) untuk men-

dapat projek," kata Perdana Menteri ketika berucap pada majlis perasmian Perhimpunan Agung Tahunan MCA Ke-54 di Wisma MCA di sini hari ini.

Terdahulu, Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting dalam ucapan aluannya meminta agar tender terbuka bagi projek-projek kerajaan ditawarkan kepada semua kaum bagi membantu golongan Cina yang berpendapatan rendah.

Katanya, kumpulan peniaga Cina sanggup berunding dengan kerajaan untuk mengadakan usaha sama kerana budaya 'ali baba' bukan budaya kaum Cina.

Abdullah dalam hal ini berkata, beliau tahu ada golongan bumiputera yang meminta kontrak tetapi mereka sebenarnya mewakili syarikat-syarikat Cina.

"Saya tahu, bukan (saya) tak ada maklumat. Kita bagi pun. Pengagihan masih dipertikalkan. Mungkin terlajak, mungkin terlupa.

"Kita akan perbetulkan perkara ini," katanya.

Beliau seterusnya berkata, bagi membolehkan usaha sama itu berlaku semua pihak mesti mempunyai peranan masing-masing dengan mencari untung, berusaha dan menanggung risiko bersama-sama.

"Jangan ada yang tidak ada peranan," tegas Perdana Menteri.

Menurut Abdullah, beliau telah pun memaklumkan kepada kontraktor-kontraktor tempatan agar mengembangkan perniagaan ke luar negara.

Beliau percaya kaedah usaha sama boleh digunakan untuk menjayakan misi itu.

"Wujudkan syarikat yang benar-benar bersifat Malaysia iaitu orang Melayu, Cina dan India ke luar negara dalam satu syarikat Malaysia.

"Cuba perkara ini... saya akan berikan sokongan," ujarnya.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, rungutan mengenai pengagihan kekayaan di kalangan rakyat Malaysia bukan sahaja berlaku antara kaum tetapi juga di kalangan

kaum itu sendiri.

"Orang Melayu, Cina dan India merungut. Orang Melayu pun merungut sebab orang Melayu lain kaya, begitu juga dengan orang Cina.

"Kita perlu menangani perkara ini. Saya berjanji akan menanganinya agar kita sama-sama dapat mengagihkan kejayaan negara," katanya.

Beliau menambah, golongan yang lemah perlu ditolong dan yang miskin harus keluar daripada kepompong itu tanpa mengira kaum.

Prinsip itu, kata Perdana Menteri, merupakan tunjang kepada kewujudan koridor pembangunan di seluruh negara bagi menaikkan pendapatan pelbagai sektor dan bukannya menjadi milik satu-satu kaum sahaja.

Dalam hal ini, beliau menjelaskan, tuntutan pelbagai kaum perlu diimbangi bagi memastikan pengagihan dilakukan seadil-adilnya.

"Tiada siapa mendapat 100 peratus," kata beliau.